

Sistem pengurusan banjir Terowong SMART diakui beri hasil positif

SAYA merujuk kepada surat Syed Abdullah Syed Osman Jamalulail bertajuk 'Terowong SMART atasi banjir, sesak di Kajang' yang disiarkan pada 6 Disember lalu. Syarikat Mengurus Air Banjir & Terowong Sdn Bhd (SMART) berterima kasih kepada pihak yang mengakui Terowong SMART berfungsi dengan jayanya dalam menangani masalah banjir di pusat bandar raya Kuala Lumpur.

Sememangnya pencapaian itu sering terlepas pandang oleh ramai masyarakat setempat padahal dengan adanya Terowong SMART di Kuala Lumpur, banjir tidak lagi berlaku di kawasan yang berada di

bawah seliaan sistem tebatan banjir SMART seperti Masjid Jamek, Lebuah Ampang, Jalan Tun Perak serta kawasan berhampiran.

Mengenai kejadian bandar Kajang dinaiki air pada 2 Disember lalu, kami ingin memaklumkan bahawa pada tarikh yang sama, sistem operasi banjir Terowong SMART diaktifkan lebih kurang sejam atas maklumat yang diterima daripada Jabatan Pengairan & Saliran (JPS) bagi menghadapi kemungkinan banjir.

Bagaimanapun, tahap bacaan yang dicatatkan antara jam 5 hingga 6 petang pada hari berkenaan tidak terlalu tinggi dan dek laluan trafik masih boleh beroperasi se-

perti biasa serta aktiviti lalu lintas untuk hari itu tidak terjejas sama sekali.

Pada keesokan harinya iaitu 3 Disember, kira-kira jam 7.30 malam, sistem operasi banjir Terowong SMART sekali lagi diaktifkan dan kali ini bacaan yang dicatat lebih tinggi memaksa laluan bagi dek kenderaan ditutup selama sejam untuk operasi berkenaan.

Sejak Terowong SMART mula dibuka pada 2007, sistem operasi banjir diaktifkan lebih 140 kali dan kejadian banjir tidak lagi berlaku di pusat bandar raya. Ini membuktikan keberkesanan sistem Terowong SMART yang dibina atas inisiatif unik hasil usaha sama ke-

rajaan dan pihak swasta.

Sama ada perlu sistem yang sama dibina di bandar Kajang, banyak faktor sekeliling yang perlu diambil kira sebelum tindakan lanjut dapat dibuat oleh semua pihak terbabit.

Sebarang pertanyaan mengenai terowong jalan raya SMART, sila hubungi petugas kami pada bila-bila masa di talian bantuan SMART 1-300-88-7188 atau melayari laman sawang www.smarttunnel.com.my.

**MOHD FUAD
KAMAL ARIFFIN,**

*Ketua Pegawai Operasi Syarikat
Mengurus Air Banjir & Terowong
Sdn Bhd (SMART).*